

Headline	PM hulur sumbangan RM10,000		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Jan 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	11	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,931
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,792



PM hulur sumbangan RM10,000

Klang: Prihatin dengan nasib menimpa Siti Nuraisyah Sahrin, 13, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menghulurkan sumbangan peribadi RM10,000 kepada remaja itu yang putus kedua-dua kaki akibat digilis lori dalam kemalangan Isnin lalu.

Sumbangan itu disampaikan melalui Pengerusi Biro Kebajikan UM-NO Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim yang melawat Siti Nuraisyah di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang di sini, semalam.

Abdul Azeez berkata, selain itu, biro berkenaan turut menyumbang kaki palsu kepada Siti Nuraisyah.

Beliau yang juga Pengerusi Tabung Haji turut meluahkan hasrat menghantar Siti Nuraisyah bersama ibu

bapanya mengerjakan umrah selepas remaja berkenaan kembali sihat.

“Ia sebagai terapi kepada Siti Nuraisyah. Ini juga sebagai penguat semangat kerana apa yang berlaku ini mengganggu emosi seluruh ahli keluarga remaja berkenaan.

“Sumbangan kaki palsu pula diharapkan dapat membantu pergerakan Siti Nuraisyah apabila dia sembuh,” katanya.

Pada masa sama, Abdul Azeez berkata, pihaknya akan membuka akaun Tabung Haji untuk Siti Nuraisyah bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Selangor Zainuren Mohd Nor berkata, sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta ibu bapa diminta sentiasa memastikan ke-

selamatan pelajar sama ada di dalam atau di luar sekolah.

Zainuren berkata, PIBG perlu meneliti jika terdapat keperluan menyediakan perkhidmatan bas atau van sebagai pengangkutan anak ke sekolah.

“Jika anak-anak menggunakan motosikal, ibu bapa bertanggungjawab memastikan mereka mempunyai lesen kerana pelajar juga perlu patuh kepada peraturan jalan raya.

“Garis panduan 3K iaitu Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan sudah jelas untuk panduan ibu bapa dan guru dalam memastikan keselamatan pelajar. Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati ketika melalui kawasan sekolah,” katanya.